

## **DASAR PRIVASI & TERMA DAN SYARAT SMART PARKING MBMB**

### **PRIVACY POLICY**

Dasar privasi ini menerangkan polisi dan prosedur yang melibatkan pengumpulan, penggunaan, pendedahan, dan perlindungan maklumat yang dihantar oleh pengguna, selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2020. Dasar ini hanya terpakai kepada maklumat peribadi yang diproses untuk transaksi komersial bagi membantu perkhidmatan menjadi lebih berkesan.

Tujuan penggunaan data privasi ini:

- Untuk menyediakan dan mengekalkan perkhidmatan kami.
- Untuk menguruskan maklumat pengguna sebagai pengguna perkhidmatan kami.
- Untuk menganalisis data, mengenal pasti trend penggunaan aplikasi, menilai dan memperbaiki perkhidmatan kami.
- Untuk menghubungi pengguna melalui saluran komunikasi elektronik jika terdapat sebarang tujuan yang munasabah.

### **PENGUMPULAN MAKLUMAT**

Aplikasi Smart Parking MBMB memerlukan pengguna untuk berkongsi maklumat peribadi semasa proses pendaftaran akaun, seperti nama penuh, email, dan nombor telefon.

Dengan memilih untuk memuat turun dan menggunakan aplikasi ini, pengguna bersetuju untuk berkongsi maklumat peribadi mereka.

Maklumat tidak akan dikongsi atau dihantar untuk tujuan lain selain daripada operasi aplikasi dan parkir.

Nama, email, dan nombor telefon pengguna akan dimuat naik ke Ipay88 untuk tujuan pengisian semula.

### **PEMBAHARUAN & PEMINDAHAN MAKLUMAT PERIBADI**

Maklumat pengguna tidak akan didedahkan kepada pihak ketiga jika tidak berkaitan dengan tujuan di atas.

Maklumat pengguna yang perlu didedahkan hanya digunakan untuk mematuhi prosedur perintah mahkamah dan tindakan penguatkuasaan.

Maklumat pengguna mungkin dipindahkan, disimpan, disusun, dan diproses di pejabat operasi atau tempat lain yang terlibat dalam pemprosesan data.

Pastikan tiada pemindahan maklumat pengguna berlaku kepada pihak lain tanpa kebenaran.

## **APLIKASI**

Aplikasi ini boleh dimuat turun dari Apple App Store, Google Play Store, atau Huawei App Gallery menggunakan mana-mana peranti elektronik.

## **COOKIES**

Cookies digunakan dalam aplikasi untuk mengoptimumkan pilihan dan meningkatkan pengalaman pengguna, membantu kami memahami cara aplikasi ini digunakan pada masa akan datang. Cookies tidak akan menyimpan data secara kekal dan akan dipadamkan sebaik sahaja pengguna keluar dari aplikasi.

## **LOG MAKLUMAT**

Log maklumat digunakan untuk merekod maklumat secara automatik apabila pengguna menggunakan aplikasi Smart Parking MBMB dan menghantar maklumat peribadi mereka.

## **PERUBAHAN KEPADA DASARINI**

Perubahan kepada dasar ini akan disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa untuk tujuan meningkatkan perkhidmatan kami.

## **HUBUNGI KAMI**

Hubungi kami untuk sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan Dasar Privasi di:

Email: parking@mbmb.gov.my

No. Telefon: 06-2859700

Laman Web: [www.mbmb.gov.my](http://www.mbmb.gov.my)

---

## **TERMA & SYARAT**

Smart Parking MBMB adalah sistem aplikasi mudah alih untuk pembayaran parkir. Aplikasi ini tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan. Adalah dinasihatkan agar anda membaca dan memahami terma dan syarat ini sebelum memuat turun aplikasi Smart Parking MBMB.

## **PEMELIHARAAN DATA**

Untuk melindungi privasi dan maklumat peribadi selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2020, kami menggunakan teknologi terkini untuk mencegah sebarang akses atau penyadapan tidak dibenarkan ke atas data peribadi.

## **KESELAMATAN PENYIMPANAN DATA**

Semua privasi dan maklumat peribadi yang dikongsi oleh pengguna akan dilindungi dan disimpan menggunakan teknologi keselamatan data yang sesuai, dan memastikan bahawa pihak ketiga tidak menggunakan maklumat ini selain daripada tujuan aplikasi dan operasi parkir.

## **PERATURAN PARKIR / PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

Pengguna aplikasi Smart Parking MBMB tertakluk kepada peruntukan di bawah Peraturan Pengangkutan Jalan (Penyediaan Tempat Parkir) (Majlis Perbandaran Klang) 2007 dan semua pindaan yang berkaitan.

Pengguna mesti mematuhi tempoh operasi parkir semasa meletak kenderaan di kawasan PBT.

Aplikasi Smart Parking MBMB boleh dimuat turun dari App Store, Google Play Store, atau Huawei App Gallery.

Pengguna boleh memilih untuk membayar parkir secara jam, harian, atau bulanan semasa menggunakan aplikasi ini.

Pengguna mesti mempunyai kredit yang mencukupi untuk menggunakan aplikasi ini, dan kredit boleh ditambah melalui perbankan dalam talian.

## **TUNTUTAN / RAYUAN**

Baki kredit Smart Parking MBMB tidak akan dikembalikan kerana tidak mempunyai tarikh luput.

Namun, pengguna boleh menggunakan fungsi ‘Pindah Kredit’ untuk memindahkan kredit kepada pengguna lain Smart Parking MBMB.

## **PAUTAN KE LAMAN WEB LAIN**

Perkhidmatan kami mengandungi pautan ke laman web lain yang tidak dikendalikan oleh kami. Oleh itu, kami tidak mempunyai kawalan ke atas dan tidak bertanggungjawab terhadap kandungan, dasar privasi, atau amalan laman web atau perkhidmatan pihak ketiga tersebut.

Pengguna mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kerugian yang berlaku melalui laman web atau perkhidmatan pihak ketiga.

## **IKLAN**

Aplikasi Smart Parking MBMB mengandungi iklan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga.

Pengguna mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang produk atau perkhidmatan yang dibeli melalui laman web pihak ketiga.

## **HUBUNGI KAMI**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai Terma dan Syarat ini, anda boleh menghubungi kami di:

Email: parking@mbmb.gov.my

No. Telefon: 06-2859700

Laman Web: [[www.mbmmb.gov.my](http://www.mbmmb.gov.my)](<http://www.mbmmb.gov.my>)